

KEHIDUPAN BERJIRAN BERDASARKAN AL-QURAN DAN HADIS

Muhammad Iman Bin Mahidin¹
Muhammad Mu'az Bin Mohd Rusman²
Adwanaim Aza Bin Azlan³
Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: iman.mahidin@gmail.com)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: muazrusman07@gmail.com)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: adwaapek@gmail.com)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: *Jiran merupakan orang yang tinggal berhampiran dengan rumah seseorang tetangga. Di Malaysia, kehidupan sebagai seorang jiran melibatkan berbagai-bagai kaum dan etnik. Pada harini, wujud berbagai isu yang melibatkan jiran tetangga sehingga menggugat keharmonian sesebuah masyarakat. Oleh itu, islam telah mengajar ummatnya dengan pelbagai garis panduan berlandaskan Al-quran dan Hadis. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti konsep jiran pada dan mendalami adab-adab dalam berjiran berdasarkan Al-quran dan Hadis. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan metode kajian perpustakaan. Hasil kajian diterangkan bagi menjawab keperluan permasalahan kajian.*

Kata Kunci: *Jiran, Al-Quran, Hadis*

Pengenalan:

Kemakmuran sesebuah negara amat bergantung kepada keutuhan dan kemantapan hubungan dalam setiap lapisan masyarakat tanpa mengira umur, jantina, bangsa, agama dan budaya. Hubungan erat antara jiran dalam masyarakat merupakan ciri-ciri masyarakat yang berkualiti. Semangat kejiranan dapat memainkan peranan yang amat penting dalam menjana kehidupan setempat yang aman dan harmoni.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2022), jiran boleh ditakrifkan sebagai orang yang tinggal paling hampir dengan tempat kediaman kita. Dari segi istilah jiran adalah orang-orang yang tinggal bersebelahan dengan rumah, bersebelahan kampung, daerah malahan lebih besar daripada itu iaitu jiran yang bersebelahan dengan negara. Jiran juga bererti ahli-ahli 40 buah rumah setiap penjuru yang mengelilingi rumah individu. Hal ini sebagaimana hadith riwayat Abu Daud, telah bersabda Rasulullah s.a.w iaitu:

Maksudnya: "Empat puluh buah rumah tetap sebagai jiran tetangga".

Islam adalah agama yang menjaga adab-adab yang baik sesama manusia, apatah lagi menjaga adab dengan jiran-jiran setempat. Diantara ayat Al-Quran yang menyentuh tentang hubungan manusia dengan jiran ialah seperti di dalam surah An-Nisa iaitu:

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki." (An-Nisaa': 36)"

Di dalam hadis Nabi Muhammad S.A.W juga banyak memberi penekanan kepada jiran-jiran. Di antara hadis Baginda yang mashur berkaitan jiran ialah

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُحْسِنْ إِلَى جَارِهِ

Maksudnya: "Sesiapa beriman kepada Allah dan hari kiamat, maka hendaklah ia berbuat baik kepada jirannya." (Hadis Riwayat Muslim)

Semangat kejiranan dalam masyarakat negara ini secara umumnya dilihat masih kental namun tidak dinafikan wujud persekitaran di mana sikap tidak mengambil kisah mengenai kebajikan jiran sekeliling semakin ketara. Justeru, masyarakat perlu menghayati Kembali suruhan agama memelihara hubungan kejiranan sebagai satu cara kearah perpaduan ummah. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti konsep jiran pada dan mendalami adab-adab dalam berjiran berdasarkan Al-quran dan Hadis

Kajian Literatur

Satu kajian yang berkaitan telah dijalankan iaitu kajian tentang Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Bacaan dan Aktiviti Masjid Di Negeri Selangor Darul Ihsan oleh Ab.Aziz, Faisal, Mariam dan Mohd Makhi, 2008. Kajian ini dibuat untuk mengenalpasti perasaan orang bukan Islam yang tinggal berdekatan dengan persekitaran masjid negeri Selangor Darul Ehsan. Kajian ini mempunyai titik persamaan dengan kajian yang akan dilakukan iaitu dengan

mencari kaedah yang terbaik dalam membentuk suasana yang harmoni sesama kejiiran orang bukan Islam.

Berdasarkan Kajian Kerukunan Hidup Melalui Dialog Kehidupan: Kajian Kes di Taman Perumahan di Kuala Terengganu oleh Azarudin, Azman, Kamari, Hasyimah dan Wahairi, 2021. Keterkaitan antara agama seringkali dibayangi oleh kecenderungan untuk mempersepsikannya secara negatif antara masyarakat multietnik dan agama. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat persepsi amalan kerukunan agama dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu yang tinggal di kawasan perumahan. Data yang diperolehi adalah melalui kaedah kualitatif iaitu temu bual ke atas lima belas orang komuniti yang tinggal di taman perumahan Padang Midin, Kuala Terengganu. Hasil kajian menunjukkan bahawa maklumat awal tentang agama Islam komuniti Cina Terengganu banyak diperolehi melalui dialog kehidupan yang berlaku antara komuniti Cina bukan Muslim dengan masyarakat Melayu Muslim. Hasil kajian mendapati persepsi kerukunan hidup di taman perumahan merangkumi persepsi positif dan negatif. Persepsi komuniti Cina dari aspek positif terhadap amalan kerukunan agama masyarakat Muslim di kawasan taman ialah seperti jujur, suka membantu dan memberi buah tangan. Manakala dari aspek negatif, antara amalan yang membantut proses kerukunan hidup beragama ialah gangguan dan cacian khususnya dalam kalangan remaja Melayu Muslim yang tinggal di kawasan perumahan.

Menurut Hamzah et. Al. (2018), Konsep dan Hak Jiran di Dalam Al-Quran dan Al-Sunnah: Satu Kajian, Jiran adalah mereka yang bersama kita dalam satu penempatan. Jiran adalah lambang kepada kehidupan bermasyarakat manusia yang saling melengkapi antara satu sama lain. Kajian ini dijalankan secara kualitatif kepustakaan untuk melihat konsep, tingkatan dan hak jiran serta ayat-ayat Al-Quran dan Hadis yang menyeru kepada berbuat baik sesama jiran. Dapatan kajian ini mendapati banyak ayat-ayat dan hadis-hadis yang menganjurkan berbuat baik sesama jiran.

Satu Kajian yang dijalankan oleh Mashitah, Azmir dan Aizuddin, 2009, iaitu Memupuk Kesedaran Tanggungjawab Sosial Melalui Penglibatan Dalam Aktiviti Kejiiran Dari Kaca Mata Islam. Dalam Kajian tersebut. Perpaduan dan integrasi nasional di Malaysia merupakan agenda penting yang mendasari setiap program pembangunan negara. Kestabilan politik dan ekonomi negara boleh tergugat sekiranya perpaduan antara ahli dalam masyarakat sangat rapuh. Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum, berbeza latar belakang agama, kebudayaan dan cara hidup, keharmonian dan kemesraan antara anggota masyarakat Malaysia perlu disemai dan dipupuk antaranya, melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kejiiran. Kajian ini membincangkan konsep kejiiran menurut kaca mata Islam. Perbincangan turut mengupas kerukunan tetangga dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia dari segi praktiknya yang dilihat dari aspek agama. Kajian ini juga turut menyarankan nilai-nilai dan sikap yang perlu ada ke arah membina dan memupuk tanggungjawab sosial melalui penglibatan anggota masyarakat dalam aktiviti kejiiran.

Menurut Suraini et. al. (2018), Hak-Hak Kejiiran Menurut Perspektif Al-Sunnah, Islam menitik beratkan hubungan harmoni dan persaudaraan di antara satu sama lain. Kedudukan jiran sangat penting dalam Islam namun dalam kepesatan teknologi dan kemodenan manusia hari ini ramai yang sudah melupakan hak jiran dan tanggungjawab di antara satu sama lain sebaliknya hanya mementingkan diri sendiri. Kajian ini bertujuan mengkaji hak-hak kejiiran menurut perspektif Al-Sunnah. Kefahaman tentang konsep kejiiran perlu dirungkai kerana ia merupakan faktor utama kepada kehidupan masyarakat yang harmoni. Kajian ini menggunakan metode kajian teks yang akan mengumpulkan hadis-hadis berkaitan hak-hak kejiiran yang terdapat di dalam Sahih Bukhari dan Muslim.

Dalam Kajian Dialog Agama LWN Dialog Kehidupan: Membina Kefahaman Kehidupan Masyarakat Yang Berbeza Kepercayaan (Azarudin, 2012). . Dalam konteks hubungan antara agama, dialog agama menjadi wahana bagi memupuk perpaduan dalam kehidupan masyarakat multietnik. Perkembangan awal dialog agama di Barat adalah bertujuan menghakis perspektif buruk terhadap agama Kristian. 1. Dialog kehidupan menjadi pilihan dalam menangani isu-isu yang melibatkan konflik antara agama dan budaya dalam masyarakat multi etnik. Melalui perkongsian kegiatan, dialog kehidupan mampu memberi kefahaman kepada masyarakat yang beraneka agama dan budaya untuk saling menghormati, menghargai dan bertoleransi antara satu dengan lain.

Kajian Peranan Institusi Kejiranan Ketika Pandemik Covid-19 Menurut Perspektif Sunnah oleh Maisarah, Mardhiyah dan Norwardatun, 2020. Kehidupan bermasyarakat yang baik bermula dengan nilai persaudaraan yang disemarakkan dalam kalangan jiran. Namun, perubahan gaya hidup yang terlalu sibuk serta kemajuan teknologi yang semakin pesat menjadi faktor utama nilai ini semakin terhakis. Islam amat menitikberatkan hubungan kejiranan. Ini kerana, kejiranan yang baik dapat melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Kefahaman dan kesedaran terhadap konsep kejiranan yang sebenar dalam kalangan masyarakat seperti yang dianjurkan Islam perlu dilaksanakan kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan Rasulullah SAW terhadap konsep serta prinsip hidup berjiran. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan induktif yang bersumberkan kitab-kitab hadis dan syarah hadis.

Menurut Maisarah et. al. (2021) dalam artikel Prinsip Kejiranan Dalam Konteks Pandemik Covid-19 Berdasarkan Perspektif Nabi SAW, Hidup bermasyarakat merupakan amalan yang dituntut oleh semua agama khususnya agama Islam. Masyarakat yang berkualiti bermula dari kejiranan yang aman dan harmoni. Hubungan yang erat sesama jiran bukan sahaja mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu, malahan menjadi aset penting dalam pembentukan sesebuah negara maju. kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan Rasulullah SAW terhadap konsep serta prinsip hidup berjiran. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan induktif yang bersumberkan kitab-kitab hadis dan syarahnya.

Metodologi Kajian:

Kajian ini dijalankan secara kaedah kualitatif. Menganalisis kandungan adalah reka bentuk kajian bagi kajian ini seperti mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber. Penyelidikan kualitatif juga adalah kaedah yang mudah dijalankan seperti kaedah tinjauan perpustakaan. Menurut Creswell (2008), reka bentuk kajian ialah satu prosedur dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang menjalankan tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi.

Analisis dokumen dilakukan hasil daripada hasil kajian yang dilakukan. Dalam penyelidikan ini, pengkaji menganalisis dan mengklasifikasikan semua maklumat sedia ada. Sebagai contoh, menggunakan Al-Quran dan Hadith sebagai rujukan utama kajian. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat, Tafsir Ayat Al-quran dan Hadith juga digunakan dalam kajian ini selain daripada menganalisis kajian lepas yang berkaitan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Islam adalah agama yang sangat mengambil berat tentang kejiranan dan tahu bahawa kita hidup di dunia yang memerlukan antara satu sama lain. Kerana itu agama kita menggalakkan umatnya supaya sentiasa menjaga hubungan baik sesama manusia sama ada adik beradik, kawan mahupun jiran tetangga. Imam al-Nawawi rahimahullah menyatakan bahawa yang boleh dianggap jiran ialah orang yang tinggal berhampiran rumah kita, orang yang tinggal dalam jarak empat puluh rumah dari rumah kita ke segala penjuru atau penjuru, sama ada dari utara, timur, selatan dan barat.

Islam sangat menitikberatkan hal-hal yang berkaitan dengan kejiranan. Inilah yang disebut oleh Nabi Muhammad s.a.w melalui hadis-hadis baginda yang menyeru agar berbuat baik kepada jiran tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. Di antara firman Allah SWT yang menanyakan apa yang menimpa jiran tetangga:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ
الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

(An-Nisa : 36)

Para ulama juga ada menyatakan dalam beberapa hadis yang mengaitkan tentang kehidupan berjiran. Antaranya:

عَنْ أَبِي شُرَيْحٍ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ، وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ، وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ، وَاللَّهِ لَا يُؤْمِنُ"، قِيلَ:
"مَنْ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: "الَّذِي لَا يَأْمَنُ جَارُهُ بَوَائِقِهِ"

(Bukhari:6016)

اسْتَأْذَنَ أَحَدُكُمْ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : سَمِعْتُهُ يَقُولُ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " (إِذَا)
جَارُهُ أَنْ يَغْرَرَ حَشْبَةً فِي جِدَارِهِ فَلَا يَمْنَعُهُ " . فَلَمَّا حَدَّثَ أَبُو هُرَيْرَةَ طَأْطَأُوا رُؤُوسَهُمْ ، فَقَالَ : مَا لِي أَرَأَيْتُمْ عَنْهَا
مُعْرِضِينَ ؟ وَاللَّهِ لَأَرْمِينَ بِهَا بَيْنَ أَكْتافِكُمْ

(Bukhari:2463)

Al-Nawawi berkata dalam kitabnya, "Seandainya dua orang lelaki saling menjaga satu sama lain kerana Allah Taala, maka orang yang paling mementingkan mereka kepada Allah Taala ialah orang yang lebih mencintai sahabatnya." Di sini Nabi saw mengajarkan kepada kita bahawa sebaik-baik sahabat di sisi Allah ialah yang terbaik di antara mereka terhadap sahabatnya, maka mereka tidak mendampinginya untuk kepentingan dunia atau ingin mendapat manfaat lebih daripadanya. , tetapi dia mengasihinya kerana Allah, dan semakin baik penjagaannya, semakin dekat dia kepada Allah.

Dan di dalam kitab Tuhfat al-Ahwadhi Bi Sharh Jami' al-Tirmidhi oleh al-Hafiz, beliau menyatakan bahawa lafaz al-Shafi'i ini adalah pada yang lama, dan beliau berkata mengenainya dalam dua lafaz yang baru. Salah satunya adalah izin jirannya, dan jika dia enggan, dia tidak boleh dipaksa, itulah pendapat Hanafi, dan mereka menafsirkan perintah dalam hadis untuk dianjurkan, dan larangan untuk tidak memihak, menggabungkannya dengan hadis-hadis yang menunjukkan pengharaman wang seorang muslim kecuali dengan kerelaannya.

Jika seseorang mencapai amalan dua perkara ini, dia akan berusaha untuk berbuat baik kepada jirannya dan berusaha untuk tidak menyakitinya, kerana dia telah bertindak untuk hak jiran bahawa Nabi saw. dan keluarganya. Seperti kata Imam Al-Nawawi dalam kitabnya: Riyad as-Salihin dalam syarahnya tentang hadis:

يَا أَبَا ذَرٍّ إِذَا طَبَحْتَ مَرْقَةً فَأَكْتَرِ مَاءَهَا وَتَعَاهَدْ جِيرَانَكَ

(Muslim:46)

Diriwayatkan oleh Al-Nawawi rahimahullah - dalam bab hak jiran dan wasiatnya: Hadis mulia ini mengandungi keterangan terperinci tentang wasiat Nabi - semoga selawat dan salam ke atasnya - mengenai jiran. Perintah tentang jiran dicapai dengan melakukan dua perkara: rajin berbuat baik kepadanya, dan rajin menahan diri dari kejahatan dan membahayakannya.

Bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat, itulah pepatah melayu yang selalu dikaitkan dengan adab berjiran. Hidup berjiran perlu diterapkan dengan konsep muafakat, tolak ansur serta kesefahaman agar dapat menghasilkan kawasan kejiranan yang harmoni serta bersatu padu. Islam juga turut menggalakkan umatnya untuk membentuk satu kejiranan yang harmoni tidak mengira berbeza agama, budaya dan bangsa. Terdapat banyak ayat Al-Quran dan Hadith yang dikaitkan dengan kehidupan berjiran.

Berdasarkan ayat Quran dari Surah Al-Maidah ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)."

Berdasarkan ayat diatas, dapat disimpulkan bahawa Islam amat menggalakkan umatnya untuk saling tolong menolong antara satu sama lain dalam urusan kebajikan serta perkara-perkara yang baik. Sebagai contoh, digalakkan melibatkan diri jika di kawasan kejiranan menganjurkan gotong royong atau majlis-majlis keraian. Selain dari dapat membersihkan kawasan kejiranan, secara tidak langsung ianya dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama jiran tetangga.

Dari Abdullah Ibn 'Amru, telah bersabda Rasulullah SAW:

خَيْرُ الْأَصْحَابِ عِنْدَ اللَّهِ خَيْرُهُمْ لِصَاحِبِهِ وَخَيْرُ الْجِيرَانِ عِنْدَ اللَّهِ خَيْرُهُمْ لِجَارِهِ

Maksudnya: "Sebaik-baik sahabat di sisi Allah ialah yang paling baik terhadap sahabatnya, dan sebaik-baik jiran di sisi Allah ialah yang terbaik di antara mereka terhadap jirannya."

(Tirmidzi : 1944)

Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Tirmidzi dalam Sunan Al-Tirmidzi, Kitab Abwab Al-Barri Wassilah Ar-Rasulullah SAW. Hadis diatas menggalakkan agar berbuat baik terhadap jiran. Berbuat baik itu adalah termasuk menzahirkan rasa bahagia ketika jiran mendapat rezeki yang mencurah dan turut bersimpati jika mendapat perkhabaran yang buruk atau musibah. Turut digalakkan agar saling bantu-membantu apabila memerlukan pertolongan walaupun tidak dipinta, bersangka baik terhadap jiran dan menjauhi sikap prasangka. Pertubuhan IKRAM Malaysia Negeri Selangor turut menyatakan pengajaran dari hadis ini iaitu, kehidupan yang harmoni dan sejahtera adalah harapan semua orang, memiliki jiran yang baik merupakan salah satu contoh kesejahteraan dan jiran yang terbaik disisi Allah adalah jiran yang paling baik terhadap tetangganya. Rasulullah turut menggalakkan untuk melahirkan kasih sayang antara jiran dengan cara saling bertukar tukar hadiah. Sebaliknya, jika diperlakukan buruk oleh jiran, hendaklah tidak membalas keburukan tersebut dengan keburukan yang lain.

Dalam hadis lain, Rasulullah bersabda kepada Abu Dzar,

يَا أَبَا ذَرٍّ إِذَا طَبَخْتَ مَرْقَةً فَأَكْثِرْ مَاءَهَا وَتَعَاهَدْ جِيرَانَكَ

Maksudnya: "Jika kamu memasak sayur, maka perbanyakkanlah kuahnya. Kemudian lihatlah keluarga dari tetanggamu. Dan berilah mereka dengan baik."

(Muslim:46)

Bukhari meriwayatkan:

ليس المؤمن الذي يشبع وجارؤه جائع إلى جنبه

Maksudnya: "Tidaklah disebut Mukmin orang yang kenyang, sedangkan tetangganya kelaparan."

Dapat disimpulkan disini bahawa amatlah digalakkan agar mengambil berat tentang kebajikan jiran tetangga agar jiran yang lapar menjadi kenyang dan jiran yang memerlukan menjadi cukup. Kesimpulannya, kita dituntut untuk berbudi kepada jiran kerana permintaan itu datang daripada al-Quran dan juga hadis Rasulullah saw. Selain itu, Allah Taala menghukum seberat-beratnya orang yang suka mencelakakan sesama sendiri. Lebih-lebih lagi, Islam mengajar umatnya supaya sentiasa bersabar dalam setiap masalah yang berlaku dan berusaha menyelesaikannya dengan cara yang terbaik. Akhirnya Allah Taala menjadikan mereka di kalangan hambaNya yang sentiasa berbuat baik sesama jiran dan memasukkan kita ke dalam Syurga di Akhirat kelak.

Rujukan:

Al-Quran Al-karim

Ab. Aziz Mohd Zin, F.A Shah, Mariam & Mohd Makhi. (2008). "Perasaan Orang Bukan Islam Terhadap Laungan Suara, Bacaan Dan Aktiviti Masjid Di Negeri Selangor Darul Ehsan". Jurnal Usuluddin, Bil 27 (2008) 109-119.

Al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Kitab Adab, *باب إثم من لا يأمن جاره بوائقه*, Hadis No. 6016

Al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Kitab Keluhan, *باب لا يمتنع جار جاره أن يعزر خشبته في جداره*, Hadis No.2463

Al-Mubarakfuri. (2015) , *Tuhfat al-Ahwadhi Bi Sharh Jami' al-Tirmidhi*, Book of provisions on the Messenger of God, *باب ما جاء في الرجل يضع على حائط جاره خشبا*

Azarudin Awang & Khadijah. (2012). "Dialog Agama Lwn Dialog Kehidupan: Membina Kefahaman Kehidupan Masyarakat Yang Berbeza Kepercayaan". Jurnal Perdaban. Vol.5 No. 1 (2012).

Azarudin Awang, A.C Mat, M.K Taib, N.H Sulaiman & W. Mahmud. (2021). "Kerukunan Hidup Melalui Dialog Kehidupan: Kajian Kes di Taman Perumahan di Kuala Terengganu". Akademika 91(21), Julai 2021: 59-68.

Dr Khairunneezaam Mohd Noor (2018) Pupuk Anak Adab Berjiran, Harian Metro, eImtiyaz

Ferly Marison (2021), Bersikap Baik kepada Tetangga, Kunci Mudah Masuk Surga, Sibernas.com

Hamzah Omar, M.F Mukmin, M. H Al-Shiddieque & S. Rabiahnor. (2018). "Konsep Dan Hak Jiran Di Dalam Al-Quran Dan Al-Sunnah: Satu Kajian". Irsyad 2018, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Imam Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab Iman, *باب بيان تحريم إيذاء الجار*, Hadis No. 46

Maisarah Saidin, S. Mardhiyah & Norwardatun. (2020). "Peranan Institusi Kejiranan Ketika Pandemik Covid-19 Menurut Perspektif Sunnah". Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah Vol. 16, No. 2, (2020), pp. 48-68.

Maisarah Saidin. (2021). "Prinsip Kejiranan Dalam Konteks Pandemik Covid-19 Berdasarkan Perspektif Nabi SAW". International Conference and Muktamar on Prophetic Sunnah (ICMAS 2021)

- Mashitah Sulaiman, M. Azmir & M. Aizuddin. (2009). “Memupuk Kesedaran Tanggungjawab Sosial Melalui Penglibatan Dalam Aktiviti Kejiranan Dari Kaca Mata Islam”. Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah Dan Kerja Sosial, Melaka.
- Pustaka, D. B. (2022, December 1). Dewan Bahasa dan Pustaka. Retrieved from Kamus Dewan Edisi Keempat: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=jiran>
- Sahih Muslim, The Book of Faith, (كتاب الإيمان) Hadith No.77
- Suriani Sudi & Halimatus Sa’diah. (2018). “hak-hak kejiranan menurut perspektif al-sunnah”. Proceeding of The International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2018 (THIQAH 2018).